

17/08/1997

## Kelasi Melayu berkampung di Liverpool

Norhisham A Dahlan

DULU ramai orang Melayu, termasuk dari Malaysia, berkhidmat sebagai kelasi dengan kapal dagang Britain dan ramai juga yang tidak pulang ke tanah air selepas bersara. Kebanyakannya kini menetap di Toxteth, Liverpool, England.

Kisah kelasi Melayu ini menarik perhatian saya selepas pertemuan tidak sengaja dengan seorang lelaki tua yang sedang melintasi jalan di Mount Pleasant Street, Liverpool.

Sejak awal lagi saya sudah menduga lelaki bertongkat itu seorang Melayu berdasarkan raut wajahnya. Dugaan itu memang tepat selepas salam saya dibalas. Sambil melemparkan senyuman, lelaki tua itu juga tidak segan berbual dengan saya.

Daripada perbualan singkat itulah, saya mendapat tahu ramai orang Melayu yang dulunya menjadi kelasi kapal dagang Britain, kini menetap di Toxteth. Lelaki itu sendiri tinggal di Toxteth Road, L8.

Selain orang Melayu, Toxteth yang sering diberi jolokan kawasan "Slums" kerana kadar jenayahnya tinggi, juga menjadi tumpuan pendatang dari Somalia, negara Timur Tengah, Pakistan dan India.

Bekas kelasi Melayu yang tinggal di situ pula kebanyakannya dari Malaysia, Singapura dan Sumatera, Indonesia.

Mungkin kerana sudah lama meninggalkan tanah air, lelaki tua itu bersungguh-sungguh mempelawa saya ke rumahnya.

"Datanglah ke rumah pakcik di Toxteth Road, L8," katanya yang berasal dari Melaka. Beliau juga cepat mesra dan mudah bercerita.

Saya amat tertarik sekali mendengar ceritanya, terutama mengenai sejarah dan kehidupan bekas kelasi itu di rantau orang. Mereka merantau untuk melihat dunia dan mencari duit bagi menyara keluarga di kampung.

Sewaktu bercerita, kebanyakan kelasi tua itu lebih mudah menyebut perkataan Malaya. Maklum saja, mereka menjadi kelasi sejak sebelum Perang Dunia Kedua.

Sesetengah cerita mereka sungguh menyayat hati, terutama pengalaman pahit sewaktu menjadi kelasi dan bekerja dengan orang Inggeris. Kebanyakannya sudah merantau hampir ke serata dunia, termasuk Antartika dan Artik.

Malah, ramai juga kelasi kapal dagang Britain - Merchant Navy yang terkorban sewaktu Perang Dunia Kedua kerana kapal yang dinaiki diserang kapal selam Jerman.

Senarai nama kelasi Melayu yang terkorban itu tercatat pada tugu peringatan di Liverpool berdekatan Albert Dock.

Keadaan kehidupan kelasi Melayu di Liverpool sebenarnya sederhana saja. Selain wang pencen, sesetengahnya juga berniaga kecil-kecilan. Mereka turut menubuhkan kelab Melayu yang dipanggil Malaysia/Singapore Association (MSA).

Berdekatan masjid Liverpool pula, ada sebuah kedai makan seorang lelaki Melayu yang dikenali sebagai Pakcik Yahya. Kedai itu menghidangkan pelbagai masakan Melayu ala Liverpool termasuk sambal belacan ikan bilis, yang digemari orang Islam.

Purata umur bekas kelasi itu ialah 65 tahun ke atas dan ramai juga yang sudah meninggal dunia. Di Liverpool, kubur untuk orang Islam terletak di Anfield.

Meskipun hubungan silaturrahim orang Islam di Liverpool erat, namun sesetengahnya dikatakan sudah terlalu terikut-ikut dengan kehidupan

penduduk tempatan. Kebanyakan bekas kelasi itu juga berkahwin dengan orang tempatan.

Berikutan itu, timbul istilah half-caste iaitu anak-anak hasil perkahwinan orang Melayu dan Inggeris. Kebanyakan anak mereka juga berkahwin dan mengamalkan cara hidup masing-masing, tetapi hubungan kekeluargaan tetap erat.

Apabila ditanya mengapa mereka tidak kembali dan menetap di Malaysia, kebanyakan kelasi tua itu memberi alasan sudah tidak mempunyai keluarga atau rakan lagi di tanah air. Kalau masih ada keluarga pun, ramai yang tidak pedulikan mereka.

Pernah seorang bekas kelasi itu sewaktu pulang ke Johor, tidak diendahkan keluarga sendiri. Malah, kepulangannya dianggap menyusahkan dan hanya ingat selepas tua. Sebab itu ramai yang lebih suka menghabiskan sisa-sisa hidupnya di sini.

Apa lagi di Liverpool, mereka mempunyai rumah sendiri, mendapat pencen dan kemudahan lain.

Dalam menghabiskan sisa-sisa hidup itu, ramai juga bekas kelasi berkenaan aktif dalam bidang keagamaan. Malah, masjid di Liverpool diasaskan kelasi Melayu ini.

Ramai juga pelajar Malaysia menjadikan kelasi tua itu sebagai tempat mengadu. Dengan itu, fungsi kelasi Melayu itu juga penting, terutama dalam menasihati anak-anak muda yang belajar di negara orang.

Malah, ada satu kes seorang pelajar Melayu yang gagal dalam peperiksaan dan bekerja di sebuah kedai Pakistan, dipujuk kelasi Melayu di sini supaya belajar semula. Akhirnya pelajar itu berjaya dalam peperiksaan semulanya.

Fungsi kelasi Melayu itu sedikit sebanyak membantu menangani gejala sosial yang tidak sesuai dengan kehidupan masyarakat Timur. Malah, mereka juga menjadi saksi apabila akad nikah dijalankan.

Pada hari raya pula, kelasi Melayu itu turut membuat kuih, nasi himpit, nasi dagang, sate, wajid dan dodol. Amalan gotong royong juga masih diamalkan terutama sewaktu mengadakan kenduri.

Bagaimanapun, kelasi Melayu di sini semakin hari semakin berkurangan dan tidak mustahil satu hari nanti, Liverpool yang pernah diberi jolokan Kampung Melayu akan hanya tinggal kenangan.

Ada baiknya jika kisah hidup kelasi Melayu ini dibukukan atau difilemkan untuk generasi akan datang. Malah, mereka juga menjadi sebahagian bahan bersejarah tanah air.

Apa pun alasan mereka untuk menjadi kelasi, namun sekurang-kurangnya semangat dan kegigihan kelasi Melayu ini meneroka dunia seharusnya mendapat pujian dan dihargai.

Meskipun sudah lama di rantau orang atau sudah menjadi warga Britain, bagi mereka, Malaysia tetap tanah air mereka dan masih mengambil tahu apa yang berlaku di tanah air.

Malah, nama seperti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Datuk Seri Anwar Ibrahim, Profesor Diraja Ungku Aziz, Prof Datuk Harun Din dan banyak lagi tokoh dari Malaysia, tetap meniti di bibir mereka.

(END)